

## Perkaitan Antara Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Prestasi Matapelajaran Matematik Kejuruteraan

<sup>1</sup>Zaidah binti Abd. Umar <sup>2</sup>Zulkifli bin Senin

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor.  
e-mel: <sup>2</sup>zulsenin@uthm.edu.my

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar kejuruteraan di Malaysia. Kajian ini melibatkan sejumlah 241 responden daripada tiga buah fakulti kejuruteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Instrumen kajian yang digunakan diadaptasi daripada Model Felder – Silverman (1987) yang menggunakan Indeks Gaya Pembelajaran Solomon & Felder. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.0 bagi mendapatkan peratus, kekerapan, min, sisihan piawai, ujian – t dan korelasi. Kajian rintis memberikan nilai Alpha Cronbach 0.89. Manakala kajian sebenar menunjukkan bahawa pola gaya pembelajaran dimensi *Sequential – Global* (min = 3.83) merupakan gaya pembelajaran paling dominan pelajar kejuruteraan UTHM, diikuti oleh pola gaya pembelajaran dimensi *Sensing – Intuitive* (min = 3.69) dan pola gaya pembelajaran dimensi *Active – Reflective* (min = 3.41). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan antara pelajar berbeza jantina bagi dimensi *Active – Reflective* dan *Sequential – Global*, namun tiada perbezaan yang signifikan bagi dimensi *Visual – Verbal* dan *Sensing – Intuitive*. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa keempat-empat dimensi yang dikaji membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian bagi mata pelajaran Matematik Kejuruteraan walaupun pada tahap hubungan yang sangat lemah.

**Kata Kunci:** *Gaya Pembelajaran, Prestasi Akademik, Matematik Kejuruteraan.*

### 1. Pengenalan

Pembelajaran merupakan satu proses yang penting untuk menimba ilmu pengetahuan, mempraktik latihan dan kemahiran serta mengasah bakat dan potensi yang ada dalam diri pelajar untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Ia berlaku akibat perubahan tingkah laku yang kekal melalui perubahan dalaman dan pengalaman, tetapi bukan disebabkan oleh sifat semula jadi manusia. Pembelajaran berlaku apabila rangsangan

yang diberikan diproses oleh otak seseorang untuk ditukarkan menjadi pengalaman yang akan digunakan untuk sesuatu gerak balas, tingkah laku atau tindakan [1].

Kemajuan dalam dunia pendidikan dan kepelbagaian dalam populasi pelajar menjadi persoalan yang penting di kalangan para pendidik. Persoalan yang banyak ditimbulkan adalah sama ada gaya pembelajaran pelajar mampu membawa perubahan dalam pencapaian akademik [2] atau sebaliknya. Gaya pembelajaran boleh dikategorikan kepada empat dimensi iaitu *active-reflective*, *sensing-intuitive*, *visual-verbal* dan *sequential-global* [3].

Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap manusia memiliki pelbagai teknik atau gaya pembelajaran mereka yang tersendiri, sama ada disadari atau tidak, ia memberikan keselesaan kepada mereka sewaktu belajar. Namun begitu, pemilihan gaya pembelajaran secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap kekuatan dan kelemahan akademik, kemahiran, penguasaan dan juga minat pelajar terhadap sesuatu perkara [4].

## 2. Model Gaya Pembelajaran Felder – Silverman (1987)

Model ini dibangunkan oleh Professor Richard Felder, daripada bidang kejuruteraan kimia, dan Linda K. Silverman, seorang ahli psikologi pendidikan. Model gaya pembelajaran ini direkacipta untuk digunakan oleh pelajar jurusan teknikal. Tujuan model ini adalah untuk mendorong kepada penyeimbangan penggunaan kaedah pengajaran dan bukan mengikut gaya yang disukai oleh guru. Dimensi yang digunakan terdiri daripada pasangan dua pola yang bertentangan iaitu:

- a) Dimensi *Active – Reflective*
- b) Dimensi *Sensing – Intuitive*
- c) Dimensi *Visual – Verbal*
- d) Dimensi *Sequential – Global*

Model ini mengaplikasikan pelajar kepada beberapa gaya berikut:

- a) *Pelajar Aktif* iaitu pelajar yang gemar belajar dan mencuba semua perkara dan suka bekerja dengan orang lain, atau *Pelajar Reflektif* iaitu pelajar yang gemar belajar dengan cara memikirkan semua perkara secara bersendirian dan tidak melibatkan orang lain.
- b) *Pelajar Perasa* iaitu pelajar yang konkrit, praktikal, berorientasikan prosedur atau fakta atau *Pelajar Pemikir* yang inovatif, konseptual, berorientasikan teori dan fakta.
- c) *Pelajar Induktif* iaitu yang menstrukturkan idea daripada spesifik kepada umum, atau *Pelajar Deduktif* iaitu yang menstrukturkan idea daripada umum kepada spesifik.
- d) *Pelajar Visual* iaitu pelajar yang lebih menggemari perwakilan atau persembahan seperti gambar, rajah, carta alir dan lain-lain atau *Pelajar Lisan* iaitu yang menggemari tulisan atau keterangan percakapan.

- e) *Pelajar Berangkaian* iaitu pelajar yang lupus, teratur dan suka belajar sesuatu mengikut tertib, atau *Pelajar Global* iaitu beragama, pemikir dan belajar dalam lonjakan yang jauh [5].

## 2.1 Indeks Gaya Pembelajaran Solomon & Felder (1991)

Richard Felder dan Barbara A. Solomon telah mencipta satu instrumen yang dikenali sebagai *Index of Learning Styles (ILS)* yang digunakan untuk menentukan gaya pembelajaran pelajar-pelajar. Ia diadaptasi daripada dapatan kajian Richard Felder dan Linda K. Silverman dengan menggunakan empat dimensi gaya pembelajaran, iaitu *Active* atau *Reflective*, *Sensing* atau *Intuitive*, *Visual* atau *Verbal*, dan *Sequential* atau *Global*. Versi pertama ILS melibatkan sebanyak 28 item, di mana ia dijalankan ke atas 100 orang pelajar. Daripada hasil analisis, item-item yang tidak menunjukkan nilai koefisien yang tinggi telah dibuang dan digantikan dengan item yang lebih sesuai. Akhirnya sebanyak 44 item telah diterima dalam ILS yang baru [6].

## 2.2 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gaya Pembelajaran

Menurut Mok Soon Sang, terdapat lima faktor yang merangsang gaya pembelajaran seseorang, iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi. Faktor-faktor ini dapat mempengaruhi keupayaan seseorang untuk memahami, berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajarannya.

Faktor persekitaran terdiri daripada empat unsur utama iaitu bunyi, cahaya, suhu dan reka bentuk tempat belajar. Sebahagian pelajar suka belajar dengan berlatarkan muzik manakala sebahagian pelajar lebih suka belajar dalam keadaan yang sunyi-sepi. Kanak-kanak dan remaja perlukan cahaya yang kurang ketika belajar berbanding orang dewasa. Kebanyakan pelajar suka belajar dalam keadaan dingin dan nyaman manakala segelintir yang lain suka belajar tanpa kipas atau alat penghawa dingin. Susun atur kerusi-meja dan perabot juga memainkan peranan dalam proses pembelajaran seseorang. Misalnya meja yang diletakkan di tepi tingkap lebih digemari berbanding jika diletakkan di bahagian tengah bilik kuliah.

Faktor emosi berkait rapat dengan perasaan atau jiwa seseorang. Ia terdiri daripada unsur motivasi, keazaman, sikap tanggung jawab dan struktur. Semakin tinggi tahap motivasi seseorang, maka semakin tinggillah pula rangsangan untuk seseorang itu belajar. Pelajar yang mempunyai keazaman yang tinggi dapat belajar dalam tempoh yang lebih lama berbanding pelajar yang mempunyai keazaman yang rendah. Pelajar yang bertanggung jawab sentiasa menghasilkan kerja yang lebih berkualiti dan mengalami pembelajaran yang lebih berkesan. Di sudut struktur pula, ada sebahagian pelajar yang suka membuat tugas mengikut arahan guru atau pensyarah manakala yang lain lebih gemar membuat sesuatu atas inisiatif sendiri.

Faktor sosial terdiri daripada unsur perseorangan, pasangan rakan sebaya, kumpulan dan orang dewasa. Sesetengah pelajar lebih suka belajar dalam bilik atau perpustakaan tanpa berharap kepada kehadiran orang lain, manakala sebahagian yang lain lebih cenderung belajar bersama sahabat yang karib agar dapat berinteraksi secara dua hala. Pembelajaran secara berkumpulan pula merangkumi aktiviti perbincangan, sumbangsaran, perkongsian idea dan kerjasama. Ada juga sebahagian

pelajar yang suka belajar dengan kehadiran orang yang lebih dewasa agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa belajar.

Faktor fisiologi terdiri daripada unsur persepsi, pemakanan, masa belajar dan pergerakan. Setiap pelajar mempunyai kekuatan persepsi visual, auditori dan *kinestatik-tactile* yang berbeza. Pelajar jenis visual gemar belajar secara merujuk carta, graf, gambar, gambar rajah, televisyen, video dan seumpamanya. Pelajar jenis auditori gemar membaca dengan kuat dan menggunakan alatan seperti radio, kaset dan VCD. Pelajar jenis *kinestatik-tactile* pula lebih suka belajar secara menyentuh dan merasa. Sebahagian pelajar gemar makan dan minum semasa belajar. Di segi waktu belajar, sebahagian pelajar lebih suka belajar pada waktu pagi atau malam kerana suasananya lebih selesa, nyaman dan tenteram berbanding waktu tengahari atau petang. Di sudut pergerakan pula, sebahagian pelajar suka belajar sambil berdiri atau berjalan, serta kerap bertukar tempat duduk semasa belajar. Manakala sebahagian yang lain lebih suka belajar di tempat duduk yang tetap.

Faktor psikologi mempunyai enam unsur penting iaitu analitik, global, gerak hati, reflektif, otak kiri dan otak kanan. Pelajar jenis analitik suka belajar sesuatu secara teliti, suka menganalisis fakta dan isi pelajaran secara terperinci. Pelajar jenis global suka belajar sesuatu secara keseluruhan dengan mengamati segala aspek yang berkaitan dengan perkara yang sedang dipelajari. Pelajar jenis “gerak hati” suka belajar mengikut angin atau “mood”. Manakala pelajar jenis reflektif mempunyai kecenderungan untuk berfikir secara mendalam sebelum melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Otak kiri dan otak kanan juga memberi peranan yang penting dalam membentuk gaya pembelajaran seseorang. Pelajar otak kiri cenderung belajar perkara yang melibatkan nombor, logik, formula, bahasa dan analisis. Manakala pelajar otak kanan pula lebih cenderung belajar perkara yang melibatkan kreativiti, imaginasi, sintesis, mengenal corak tertentu dan raut wajah seseorang [7].

### 2.3 Skop Kajian

Kajian dijalankan di UTHM. Sebanyak tiga buah fakulti terlibat dalam kajian ini, iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) serta Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE). Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tahun dua sarjana muda kejuruteraan yang telah mengambil mata pelajaran Matematik Kejuruteraan I semasa berada di tahun pertama pengajian.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Sampel yang terlibat adalah pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan seramai 241 orang yang terdiri daripada 61 orang pelajar FKAAS, 89 orang pelajar FKMP, dan 91 orang pelajar FKEE. Responden dipilih secara persampelan rawak. Dapatan soal selidik kemudiannya dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

#### 4. Dapatan Kajian

##### 4.1 Latar Belakang Responden Mengikut Jantina dan Fakulti

**Jadual 1: Bilangan Responden Mengikut Jantina**

<b>JANTINA</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	128	53.1
Perempuan	113	46.9
<b>JUMLAH</b>	<b>241</b>	<b>100</b>

**Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Fakulti**

<b>FAKULTI</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
FKAAS	61	25.3
FKMP	89	36.9
FKEE	91	37.8
<b>JUMLAH</b>	<b>241</b>	<b>100</b>

##### 4.2 Bilangan Responden Mengikut Kelayakan

**Jadual 3: Bilangan Responden Mengikut Kelayakan**

<b>KELAYAKAN</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Matrikulasi	113	46.9
STPM	39	16.2
Diploma	89	36.9
<b>JUMLAH</b>	<b>241</b>	<b>100</b>

##### 4.3 Pencapaian Gred Pelajar Dalam Matematik Kejuruteraan 1

**Jadual 4: Bilangan Responden Mengikut Gred**

<b>KELAYAKAN</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
A	58	24.1
A-	29	12.0
B+	30	12.4
B	40	16.6
B-	14	5.8
C+	13	5.4
C	27	11.2
C-	5	2.1
D+	8	3.3
D	14	5.8
E	3	1.2
<b>JUMLAH</b>	<b>241</b>	<b>100</b>

#### 4.4 Skor Min dan Ujian – t Gaya Pembelajaran Mengikut Jantina Pelajar

**Jadual 5: Skor Min dan Keputusan Ujian – t Dimensi *Active – Reflective***

	<b>Jantina</b>	<b>Skor Min</b>
Gaya Pembelajaran <i>Active – Reflective</i>	Lelaki (128)	3.83
	Perempuan (113)	3.64
Ujian – t	0.0003	Tolak H <sub>0</sub>

**Jadual 6: Skor Min dan Keputusan Ujian – t Dimensi *Visual – Verbal***

	<b>Jantina</b>	<b>Skor Min</b>
Gaya Pembelajaran <i>Visual – Verbal</i>	Lelaki (128)	3.80
	Perempuan (113)	3.67
Ujian – t	0.28	Terima H <sub>0</sub>

**Jadual 7: Skor Min dan Keputusan Ujian – t Dimensi *Sensing – Intuitive***

	<b>Jantina</b>	<b>Skor Min</b>
Gaya Pembelajaran <i>Sensing – Intuitive</i>	Lelaki (128)	3.75
	Perempuan (113)	3.63
Ujian – t	0.64	Terima H <sub>0</sub>

**Jadual 8: Skor Min dan Keputusan Ujian – t Dimensi *Sequential – Global***

	<b>Jantina</b>	<b>Skor Min</b>
Gaya Pembelajaran <i>Sequential – Global</i>	Lelaki (128)	3.91
	Perempuan (113)	3.73

Ujian – t	0.004	Tolak H <sub>0</sub>
-----------	-------	----------------------

#### 4.5 Korelasi Antara Gaya Pembelajaran Dengan Prestasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik Kejuruteraan 1

**Jadual 9: Korelasi Antara Gaya Pembelajaran Dimensi *Active – Reflective* Dengan Prestasi Pelajar**

Korelasi Pearson		Nilai Gred	Dimensi <i>Active – Reflective</i>
Nilai Gred	Pekali Korelasi	1.000	.151**
	Sig. (2 Tailed)	-	.019
	N	241	241

\*\* Signifikan pada aras keertian .05 (2-hujung)

**Jadual 10: Korelasi Antara Gaya Pembelajaran Dimensi *Visual – Verbal* Dengan Prestasi Pelajar**

Korelasi Pearson		Nilai Gred	Dimensi <i>Visual – Verbal</i>
Nilai Gred	Pekali Korelasi	1.000	.134**
	Sig. (2 Tailed)	-	.037
	N	241	241

\*\* Signifikan pada aras keertian .05 (2-hujung)

**Jadual 11: Korelasi Antara Gaya Pembelajaran Dimensi *Sensing – Intuitive* Dengan Prestasi Pelajar**

Korelasi Pearson		Nilai Gred	Dimensi <i>Sensing – Intuitive</i>
Nilai Gred	Pekali Korelasi	1.000	.211**
	Sig. (2 Tailed)	-	.001
	N	241	241

\*\* Signifikan pada aras keertian .01 (2-hujung)

**Jadual 12: Korelasi Antara Gaya Pembelajaran Dimensi *Sequential – Global* Dengan Prestasi Pelajar**

Korelasi Pearson		Nilai Gred	Dimensi <i>Sequential – Global</i>
Nilai Gred	Pekali Korelasi	1.000	.131**
	Sig. (2 Tailed)	-	.042
	N	241	241

\*\* Signifikan pada aras keertian .05 (2-hujung)

## 5. Rumusan

Analisis skor min menunjukkan pelajar kejuruteraan mempunyai tahap kecenderungan yang sederhana terhadap keempat-empat dimensi gaya pembelajaran di mana dimensi *Sequential–Global* menunjukkan pilihan yang paling utama [Lampiran D], diikuti oleh dimensi *Visual–Verbal* [Lampiran B], *Sensing–Intuitive* [Lampiran C], dan *Active–Reflective* [Lampiran A]. Ini menggambarkan bahawa pelajar kejuruteraan lebih cenderung untuk mempelajari sesuatu mengikut tertib dan urutan. Mereka lebih mudah memahami topik yang saling berkaitan serta mempunyai gambaran kasar keseluruhan kandungan tentang perkara yang akan dipelajari. Namun mereka juga menggemari gaya pembelajaran secara visual seperti gambarajah, carta, video dan sebagainya yang memaparkan imej.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa bagi dimensi *Sequential–Global* dan *Active–Reflective*, kedua-dua dimensi ini menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap perbezaan jantina. Manakala bagi dimensi *Visual–Verbal* dan *Sensing–Intuitive*, tiada perbezaan yang signifikan yang ditunjukkan.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa keempat-empat dimensi gaya pembelajaran yang dikaji menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian prestasi pelajar dalam mata pelajaran Matematik Kejuruteraan 1. Namun begitu, nilai korelasi yang diperolehi menunjukkan bahawa hubungan yang wujud adalah pada tahap kekuatan yang sangat lemah. Ini bermakna gaya pembelajaran yang berbeza-beza tidak memberikan kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.



## Rujukan

- [1] Shahabuddin & Rohizani (2004). Psikologi Pembelajaran dan Personaliti. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- [2] Yufiza Mohd Yusof (2005). Gaya Pembelajaran dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. Kolej Matrikulasi Perak.
- [3] Felder, R. M. (1996). Matters of Style. ASEE Prism, vol. 6, 18-23.
- [4] Felder, R. M. and Silverman, K. (1988). Learning and Teaching Styles in Engineering Education. Engineering Education 78(7), 674-681.
- [5] M. Z. Kamsah et al, (2005). The First Step of Being Effective Engineering Educators: Know Your Students' Learning Styles. Centre for Teaching and Learning, UTM.
- [6] Felder, R. M. and Spurlin, J. (2005). Applications, Reliability and Validity of The Index of Learning Styles. Engineering Education. 21(1), 103-112.
- [7] Mok Soon Sang (2003). Ilmu Pendidikan untuk KPLI: Kursus Perguruan Lepas Ijazah. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

## LAMPIRAN A

### Analisis Min dan Tahap Kecenderungan Keseluruhan Responden Terhadap Dimensi Gaya Pembelajaran *Active – Reflective*

Nombor Item	Pernyataan	Min	Tahap
1	Saya belajar sesuatu yang baru dengan lebih cepat sekiranya saya membincangkannya dengan rakan-rakan.	4.03	Tinggi
7	Saya lebih suka belajar secara bersendirian.	3.72	Sederhana
11	Apabila sedang mengkaji perkara yang sukar, saya biasanya memberikan pandangan saya sendiri dalam kumpulan belajar.	3.76	Sederhana
17	Dalam projek kumpulan, saya berpendapat adalah lebih baik sekiranya dimulakan dengan "brain storming" di mana semua ahli dapat mengeluarkan idea.	4.06	Tinggi
20	Saya lebih suka belajar secara kumpulan.	3.46	Sederhana
22	Apabila membuat tugas, saya selalunya cuba memahami masalah secara keseluruhan terlebih dahulu.	3.91	Sederhana
25	Saya lebih gemar mendengar bahan yang sedang diperbincangkan dalam kumpulan belajar daripada memberikan pandangan saya sendiri.	3.64	Sederhana
31	Saya akan terus fokus terhadap perkara yang baru dipelajari agar dapat belajar sebanyak yang mungkin.	3.71	Sederhana
35	Saya biasanya akan terus menyelesaikan sesuatu tugas tanpa melihat secara keseluruhan.	3.35	Sederhana
40	Saya berpendapat dalam projek kumpulan, adalah lebih baik sekiranya ahli kumpulan bermuda dengan refleksi sendiri sebelum membandingkan idea masing-masing.	3.78	Sederhana
	Purata	3.41	Sederhana

**LAMPIRAN B****Analisis Min dan Tahap Kecenderungan Keseluruhan Responden Terhadap Dimensi Gaya Pembelajaran *Visual – Verbal***

Nombor Item	Pernyataan	Min	Tahap
3	Saya dapat menggambarkan tempat-tempat yang pernah saya lawati dengan mudah.	3.88	Tinggi
5	Saya lebih suka pensyarah yang mengajar dengan memaparkan banyak gambarajah.	3.89	Tinggi
10	Saya sangat berminat membaca buku yang banyak ilustrasi dengan meneliti gambar berkenaan.	3.96	Tinggi
13	Saya dapat mengingat dengan baik gambarajah yang pernah dipelajari di dalam kelas.	3.79	Sederhana
16	Saya mudah mengingati perkara yang saya pernah lihat.	4.06	Tinggi
21	Saya mudah mengingati perkara yang saya dengar.	3.64	Sederhana
29	Saya dapat mengingat dengan baik setiap penerangan mengenai sesuatu perkara dengan teliti.	3.88	Tinggi
33	Saya lebih suka pensyarah memberikan penerangan sesuatu topik dengan teliti.	4.05	Tinggi
36	Saya sukar untuk menggambarkan tempat-tempat yang pernah saya lawati.	3.12	Sederhana
38	Semasa membaca buku, saya lebih gemar menumpukan kepada teks.	3.11	Sederhana
	Purata	3.74	Sederhana

**LAMPIRAN C****Analisis Min dan Tahap Kecenderungan Keseluruhan Responden Terhadap Dimensi Gaya Pembelajaran *Sensing – Intuitive***

Nombor Item	Pernyataan	Min	Tahap
4	Saya lebih mudah mempelajari sesuatu konsep kerana dapat mengaitkannya dengan dunia sebenar.	3.91	Tinggi
6	Kebanyakan kerja yang saya lakukan adalah kreatif.	3.53	Sederhana
9	Saya lebih mudah mempelajari fakta kerana kesahihannya adalah pasti.	3.73	Sederhana
14	Jika diberi peluang untuk mengajar, saya lebih suka mengajar berdasarkan situasi kehidupan sebenar.	4.00	Tinggi
18	Bila saya dikehendaki melakukan sesuatu tugas, saya suka mencuba dengan kaedah yang baru.	3.78	Sederhana
24	Apabila saya membuat kiraan yang rumit, saya cenderung mengulang dan memeriksa langkah kerja dengan teliti.	3.80	Sederhana
28	Kerap kali kerja yang saya hasilkan dianggap sebagai kerja yang teliti.	3.71	Sederhana
30	Jika diberi peluang untuk mengajar, saya lebih suka mengajar berdasarkan teori.	3.22	Sederhana
34	Apabila saya membuat kiraan yang rumit, saya mudah berasa bosan dan biasanya memaksa diri untuk menyemak kerja saya semula.	3.70	Sederhana
39	Apabila saya dikehendaki melakukan sesuatu tugas, saya suka menggunakan cara yang sedia ada.	3.57	Sederhana
	Purata	3.69	Sederhana

## LAMPIRAN D

**Analisis Min dan Tahap Kecenderungan Keseluruhan Responden Terhadap Dimensi Gaya Pembelajaran *Sequential – Global***

Nombor Item	Pernyataan	Min	Tahap
2	Apabila saya memahami kesemua bab dalam sesebuah buku, saya memahami keseluruhan isi buku tersebut.	3.78	Sederhana
8	Saya biasanya menyelesaikan masalah matematik secara langkah demi langkah.	4.09	Tinggi
12	Apabila saya memahami keseluruhan isi sesebuah buku, saya dapat melihat bagaimana setiap bahagian dalam buku tersebut saling berkait.	3.88	Tinggi
15	Dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam kumpulan, saya biasanya lebih suka memikirkan akibat yang mungkin berlaku daripada sesuatu jalan penyelesaian itu.	3.84	Tinggi
19	Saya berpendapat, pensyarah yang memulakan sesi pengajaran dengan memberikan penerangan ringkas tentang apa yang akan dipelajari tidak banyak membantu saya.	3.50	Sederhana
23	Saya selalunya melihat penyelesaian lepada sesuatu masalah matematik terlebih dahulu sebelum saya cuba menyelesaikannya.	3.76	Sederhana
26	Apabila saya mempelajari sesuatu subjek yang baru.	3.80	Tinggi
27	Saya belajar sesuatu yang baru dengan lebih cepat sekiranya saya menelitinya secara terperinci.	3.95	Tinggi
32	Apabila menyelesaikan sesuatu masalah dalam kumpulan, saya lebih suka memikirkan penyelesaian berdasarkan langkah-langkah proses penyelesaian masalah.	3.84	Tinggi
37	Saya berpendapat, pensyarah yang memulakan sesi pengajaran dengan memberikan penerangan ringkas tentang apa yang dipelajari banyak membantu saya.	3.86	Tinggi
	<b>Purata</b>	<b>3.83</b>	<b>Tinggi</b>